

Kebun sayur haram di Hutan Simpan Bertam

800 pokok ditanam pulihkan hutan

Kerja penanaman dilakukan secara berperingkat babit kawasan diceroboh

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Cameron Highlands: Sebanyak 800 pokok hutan seperti spesies merawan siput jantan ditanam sebagai usaha memulihkan kembali kawasan pencerobohan Hutan Simpan Bertam, di sini.

Fasa pertama penanaman membabitkan kawasan seluas dua hektar yang terbabit dengan operasi pemusnahan bersepadu selama lima hari bermula kelmarin disertai beberapa agensi penguatkuasaan.

Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Dr Grippin Akeng, berkata dalam operasi bersepadu bagi pemu-

snahan kebun haram kali ini, kerja menanam pokok hutan dilakukan secara berperingkat bermula kelmarin sehingga selesai di kawasan Hutan Simpan Bertam yang berkeluasan 9.16 hektar.

Sukar pindah anak pokok

Katanya, keadaan kawasan yang berbukit dan jalan yang sempit menyukarkan lagi usaha pindahan anak pokok ke kawasan penanaman.

"Kerja menanam pokok hutan turut akan dilakukan di kawasan ceroboh Hutan Simpan Mentigi seluas (5.7 hektar), Hutan Simpan Batu Gangan (1.22 hektar) dan Hutan Simpan Sungai Ichat (0.9 hektar).

"Jabatan menganggarkan lebih 8,000 pokok hutan ditanam dalam kawasan ceroboh di empat hutan simpan yang terbabit dalam operasi pemusnahan bersepadu kali ini," katanya, ketika dihubungi di sini semalam.

Penolong Pengarah Silvikutur Pahang Zon Pahang Barat JPNP, Wan Ghazali Wan Ali, berkata selepas memusnahkan pelbagai jenis pokok sayuran adalah me-



Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang menanam pokok spesies merawan siput jantan di Hutan Simpan Bertam. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

njadi tanggungjawab kami untuk memulihkan semula kawasan terbabit dengan menanam beberapa jenis tanaman yang sesuai di tanah tinggi seperti pokok gerok,

meranti bukit, damar minyak dan merawan siput jantan.

Katanya, pihak jabatan menggunakan anak pokok hutan yang terdapat di tapak semaian

Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat, Rotan Tunggul, Raub dan selebihnya diambil di beberapa Pejabat Hutan Daerah lain untuk ditanam di kawasan itu.

"Kita berusaha secepat mungkin untuk menyelesaikan kerja menanam pokok hutan di kawasan terbabit, jabatan tidak boleh melengahkan kerja berkenaan bagi mengelak kejadian hakisan dan pencemaran sumber air.

"Bentuk muka bumi berbukit di kawasan terbabit antara cabaran dihadapi petugas. Kerja menanam pokok ini dilakukan oleh kakitangan pejabat pembangunan hutan Pahang Barat," katanya.

Cuaca di daerah ini sejuk dan lembab serta taburan hujan yang tinggi terutama pada musim tengkujuh menambahkan lagi peratus kesuburan dan pembesaran pokok.

Selepas kerja penanaman pihaknya akan terus membuat pemantauan dan tinjauan bagi memastikan kesemua pokok yang ditanam hidup. Kerja menyulam dilakukan bagi menggantikan pokok mati.